

Kad tambah nilai prabayar dikecuali GST

UM 18/12
PEKAN 17 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan berita gembira kepada pengguna perkhidmatan telekomunikasi prabayar selepas mengambil kira pelbagai faktor termasuk bagi membantu meringankan beban mereka.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memutuskan untuk terus mengecualikan caj cukai barang dan perkhidmatan (GST) bagi pembelian kad tambah nilai prabayar telefon bimbit pada tahun depan.

Beliau berkata, langkah itu dapat membantu mengurangkan beban rakyat terutama golongan belia.

"Ini satu berita gembira kepada rakyat," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat GiatMara Pekan di sini hari ini.

Sebelum ini, ketika membenarkan Bajet 2016, Perdana Menteri mengumumkan pengguna perkhidmatan telekomunikasi prabayar warga Malaysia akan men-

dapat kembali rebat bersamaan dengan amaun GST yang dibayar dan jumlah itu akan dikredit terus ke dalam akaun prabayar mereka dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2016.

Sementara itu, ketika berucap pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Pekan di Kampung Pulau Jawa di sini, Najib berkata, setiap dasar yang dilaksanakan kerajaan termasuk hasil memperkenalkan GST adalah untuk dipulangkan semula kepada rakyat.

Beliau berkata, menerusi hasil kutipan tersebut, kerajaan dapat melaksanakan pelbagai program kebajikan seperti menyediakan skim perumahan mampu milik di bawah Suruhanjaya Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang memberikan subsidi sehingga RM31,000.